

UMS sambut baik saranan Ketua Menteri

Oleh Yap Siong Han

UB 18.09.2021 P. 04

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyambut baik terhadap pengumuman Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Panglima Hajiji Noor berhubung pemberian vaksin kepada remaja berusia 12 hingga 17 tahun.

Seiring dengan itu, Naib Canselor UMS, Prof Datuk Ch.M. Ts. Taufiq Yap Yun Hin memaklumkan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Institusi Pengajian Tinggi (IPT) UMS telah memulakan pemberian vaksin kepada golongan tersebut bermula hari ini.

“Kita menyasarkan seramai 3,000 remaja mendapatkan vaksin ini pada hari ini melibatkan vaksin jenis Pfizer.

“Ibu bapa boleh membawa anak-anak mereka hadir secara walk-in pada jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang, dari Isnin

hingga Jumaat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas mengiringi Menteri di Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad yang mengadakan lawatan ke PPV IPT UMS, di sini, kelmarin.

Menurut Taufiq, Menteri KPT turut menyokong penuh terhadap inisiatif tersebut yang sejajar dengan matlamat kementerian untuk membantu mencapai imuniti kelompok dengan memberikan vaksin seramai mungkin kepada masyarakat di negeri Sabah.

“Padalawatan ini, saya juga telah memberikan taklimat berkaitan perkembangan semasa dan aktiviti yang dijalankan PPV IPT UMS sejak ia mula beroperasi pada 14 Jun 2021.

“Menteri menyokong penuh usaha-usaha yang telah kita lakukan termasuk program-program outreach



TINJAU: Taufiq (kiri) mengiringi Noraini (tengah) dalam kunjungan ke PPV IPT UMS.

pemberian vaksin seperti di kawasan pedalaman luar Kota Kinabalu, kawasan yang terlibat Perintah Kawalan

Pergerakan Diiperketatkan (PKPD), dan pemberian vaksin di Penjara Kota Kinabalu,” katanya.